

'Tiada niat rampas harta bukan Bumiputera'



● DATUK HAJI ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan tidak berniat merampas harta bukan Bumiputera untuk diagih-agihkan kepada Bumiputera dalam melaksanakan Dasar Penswastaaan dan Persyarikatan Malaysia, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Abdullah Ahmad Badawi.

Dasar itu, katanya, adalah satu strategi baru untuk mempercepatkan lagi pembangunan negara melalui penggambaran besar antara sektor awam dan swasta bagi faedah rakyat berbilang kaum.

"Penswastaaan dan Persyarikatan Malaysia akan dilaksanakan berbandukan Dasar Ekonomi Baru untuk memastikan matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan tercapai menjelang tahun 1990," ujarnya ketika menyampaikan ceramah Dasar Penswastaaan dan Persyarikatan Malaysia anjuran Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan di sini, petang ini.

Kira-kira 120 ahli dari lima bahagian Umno di Wilayah Persekutuan iaitu dari Damansara, Setapak, Kuala Lumpur Bandar, Sungai Besi dan Kepong menghadiri ceramah itu.

Menurutnya, satu Jawatankuasa Petugas di Unit Perancangan Ekonomi (EPU) telah ditubuhkan untuk meneliti masalah dan kesan yang mungkin timbul dari pelaksanaan kedua-dua dasar itu.

"Jawatankuasa itu akan menjalankan kajian untuk memastikan bahawa Penswastaaan dan Persyarikatan Malaysia tidak akan menjejaskan perancangan dan matlamat DEB," jelasnya lagi.

Datuk Haji Abdullah menjelaskan bahawa di bawah konsep Penswastaaan dan Persyarikatan Malaysia, beban kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang perharga berjuta-juta ringgit dapat dikurangkan dengan penglibatan dari sektor swasta.

Menjamin

Katanya, perbelanjaan kerajaan melaksanakan pembangunan setiap tahun meningkat dan di bawah Rancangan Malaysia Keempat sahaja sejumlah \$40,000 juta digunakan untuk projek-projek pembangunan berbanding dengan \$21,000 juta untuk Rancangan Malaysia Ketiga dan \$7,000 juta Rancangan Malaysia Pertama.

"Angka ini jelas menunjukkan bahawa beban yang ditanggung oleh kerajaan semakin meningkat dan masanya sudah sampai beban ini ditanggung pula oleh sektor swasta yang selama ini tidak begitu aktif dalam sumbangannya terhadap pembangunan negara."

Bagaimanapun, Menteri itu memberi jaminan bahawa dengan terlaksananya kedua-dua dasar itu, tidak bermakna kerajaan

tidak bertanggungjawab atau "tidak mengambil-kira" segala tindak-tanduk sektor swasta yang mengambil-alih sesuatu perkhidmatan itu.

Katanya, kerajaan akan menentukan jenis-

jenis perkhidmatan yang patut diwastakan dan jika perlu khidmat kawalan akan diwujudkan untuk memastikan setiap rakyat dapat menikmati keuntungan dari pelaksanaannya.

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia